



SULTAN MIZAN berkenan menyampaikan titah ucapan pada Sambutan Maal Hijrah Peringkat Negeri Terengganu semalam.

تغكو مهكوتا تغكو
لسلطان عبد الله بن محمد
DK., SSAP

(برساء
فناكي

حاج أ



TENGGU HASSANAL (kiri) menyampaikan anugerah Tokoh Maal Hijrah kepada waris Mat Kilau di Dewan Jubli Perak Sultan Haji Ahmad Shah, Kuantan semalam.

لاي 2022



Cucu sifatkan pengiktirafan perjuangan syiar Islam

Mat Kilau Tokoh Maal Hijrah Pahang

KUANTAN— Sumbangan besar Mat Kilau atau nama sebenarnya Allahyarham Muhammad Khatib Rasu Abdul Salam mendapat penghargaan apabila beliau dipilih sebagai penerima anugerah Tokoh Maal Hijrah sempena Majlis Sambutan Maal Hijrah Peringkat Negeri Pahang 2022 semalam.

Anugerah itu disampaikan Pemangku Raja Pahang, Tengku Mahkota Tengku Hassanal Ibrahim Alam Shah Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al Mustafabillah Shah kepada waris pahlawan itu, Mohd. Alhamadi Abu Bakar, 53, yang merupakan cucunya.

Mohd. Alhamadi berkata, anugerah itu amat bermakna kepadanya dan seluruh masyarakat Melayu seterusnya menyemarakkan semangat perjuangan menegakkan syiar Islam.

"Anugerah ini dilihat sebagai satu pengiktirafan kepada perjuangan tokoh ini dalam menegakkan Islam di negeri ini.

"Terima kasih kepada kerajaan negeri dan Pemangku Raja Pahang atas pemilihan Mat Kilau sebagai Tokoh Maal Hijrah Negeri Pahang tahun ini," katanya.

Di **Kuala Terengganu**, Sultan Terengganu, Sultan Mizan Zainal Abidin mengajak umat Islam agar menghayati peristiwa penghijrahan Nabi Muhammad SAW untuk membangkitkan kesedaran memenuhi tanggungjawab selaku khalifah Allah.

Baginda bertitah, ia selaras dengan perintah Allah agar manusia melaksanakan tanggungjawab sebagai khalifah yang memacu kemakmuran bumi secara kolektif.

"Kita merasa cukup bertuah kerana peranan dimainkan oleh setiap rakyat di negara ini memberi seribu makna dalam mengekalkan nilai kemakmuran



dipupuk hasil toleransi, kerjasama dan muafakat generasi terdahulu.

"Sikap tolong-menolong atas prinsip perpaduan umat manusia sebagai satu keluarga besar walaupun terdiri daripada pelbagai latar belakang kaum, suku, bangsa dan agama menjadi asas penting kemakmuran negara," titah baginda sewaktu merasmikan sambutan Maal Hijrah 1444 Hijri peringkat Terengganu di Wisma Darul Iman di Kuala Terengganu semalam.

Pada majlis sama, baginda berkenan mengurniakan anugerah Tokoh Maal Hijrah Terengganu kepada Ketua Setiausaha Negara (KSN), Tan Sri Mohd. Zuki Ali.

Di **Ipoh**, Ahli Jawatankuasa Fatwa Perak dan Ahli Majlis Agama Islam Perak, Datuk As'ad Awang, 65, dipilih sebagai penerima Anugerah Tokoh Maal Hijrah Negeri Perak tahun 1444 Hijrah.

Sementara itu, Setiausaha Masjid Jamek Pengkalan Hulu, Sirat Abdullah yang memperkenalkan konsep masjid dalam kebun menerima Anugerah Tokoh Ar Ridzuan.

Di **Johor Bahru**, Bekas Ketua Hakim Syarie Johor, Datuk Amir Danuri, 72, dinobatkan sebagai penerima Anugerah Tokoh Maal Hijrah sempena sambutan Maal Hijrah 1444 Hijrah Peringkat Negeri Johor semalam.